

**PERCANGGAHAN QANUN ACEH NOMBOR 7 TAHUN 2013 TENTANG
HUKUM ACARA JENAYAH DAN PERATURAN GUBERNUR TAHUN 2018
NOMBOR 5 TENTANG PELAKSANAAN HUKUMAN ACARA JENAYAH**
*(The Conflict Between Aceh Qanun Number 7 of 2013 on Jenayah Procedural Law
and Governor Regulation Number 5 of 2018 on the Implementation of Jenayah
Procedural Punishments)*

¹IKRAMSYAH IRWALI*

^{1,2}WAN ZULKIFLI WAN HASSAN

^{1,3}MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM

^{1,4}IMAM KAMALUDDIN

¹Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 bangi, Selangor, Malaysia

²Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 bangi, Selangor, Malaysia

³Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 bangi, Selangor, Malaysia

⁴Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Darussalam Gontor, 63471, Ponorogo,
Jawa Timur, Indonesia

ABSTRAK

Makalah ini menganalisis percanggahan antara Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 tentang Hukum Acara Jenayah dan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 yang berkaitan dengan penentuan lokasi serta tatacara pelaksanaan uqubat sebatan. Qanun Aceh memperuntukkan bahawa hukuman sebatan hendaklah dilaksanakan di tempat terbuka dan dapat disaksikan oleh masyarakat awam, selaras dengan prinsip keterbukaan peradilan serta fungsi pendidikan dan pencegahan sosial dalam kerangka perundangan Islam. Sebaliknya, Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 menghadkan pelaksanaan hukuman tersebut kepada kawasan institusi pemyarakatan, sekali gus menimbulkan ketegangan normatif dari sudut hierarki perundangan, keadilan prosedural dan legitimasi sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan doktrinal dan komparatif melalui analisis teks perundangan, sorotan literatur akademik serta laporan institusi berkaitan bagi menilai keselarasan antara

*Corresponding author: Ikramsyah Irwali, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia,
email: ikramsyahirwali@yahoo.com

Diserahkan: 23 Oktober 2025

Diterima: 6 Februari 2026

DOI: <https://doi.org/10.17576/JH-2026-1801-06>

norma substantif dan peraturan pelaksana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Peraturan Gubernur Aceh berpotensi melangkaui bidang kuasa yang diperuntukkan serta mengubah ratio legis Qanun Aceh, khususnya berkaitan prinsip keterbukaan pelaksanaan hukuman. Ketidakselarasan ini bukan sahaja mewujudkan ketidakpastian undang-undang, malah berisiko menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap institusi peradilan syariah. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan keperluan harmonisasi perundangan sama ada melalui pindaan peraturan sedia ada atau mekanisme semakan kehakiman bagi memastikan konsistensi norma, kepastian undang-undang dan penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

Kata kunci: Qanun Aceh; hukum acara jenayah; hukuman sebatan; konflik norma; keadilan prosedural.

ABSTRACT

This article examines the conflict between Aceh Qanun Number 7 of 2013 on Jenayah Procedural Law and Aceh Governor Regulation Number 5 of 2018 concerning the location and procedural aspects of the implementation of caning punishment (uqubat whipping). The Aceh Qanun stipulates that caning punishment shall be carried out in an open space and be observable by the public, reflecting the principles of judicial openness as well as the educational and preventive functions of Islamic criminal law. In contrast, the Governor Regulation restricts the implementation of the punishment to correctional institutions, thereby generating normative tension in terms of legal hierarchy, procedural justice, and social legitimacy. This study adopts a doctrinal and comparative approach by analysing statutory texts, relevant academic literature, and institutional reports to assess the coherence between substantive norms and implementing regulations. The findings indicate that the Governor Regulation potentially exceeds its delegated authority and alters the ratio legis of the Aceh Qanun, particularly with regard to the principle of openness in the execution of punishment. Such normative inconsistency not only creates legal uncertainty but also risks undermining public trust in the legitimacy of the Shariah judicial system. Accordingly, this article argues for the necessity of legal harmonisation, either through regulatory amendment or judicial review mechanisms, to ensure normative consistency, legal certainty, and sustained public acceptance of the implementation of Islamic law in Aceh.

Keywords: Aceh Qanun; jenayah procedural law; caning punishment; normative conflict; procedural justice.

PENGENALAN

Aceh mempunyai kedudukan perlembagaan yang istimewa dalam sistem kenegaraan Indonesia. Keistimewaan ini diiktiraf melalui Undang-Undang Nombor 44 Tahun 1999 dan diperkukuhkan oleh Undang-Undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh, yang memberikan kuasa kepada kerajaan Aceh untuk menggubal qanun berasaskan syariat Islam. Keunikan ini menjadikan Aceh sebagai satu-satunya wilayah di Indonesia yang melaksanakan undang-undang jenayah Islam secara formal dan institusional.

Antara instrumen utama pelaksanaan jenayah Islam di Aceh ialah Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 tentang Hukum Acara Jenayah. Qanun ini bukan sahaja mengawal selia prosedur perbicaraan, malah menetapkan prinsip asas pelaksanaan hukuman, termasuk *uqubat* sebatan. Salah satu prinsip penting yang ditegaskan ialah keterbukaan pelaksanaan hukuman di tempat yang boleh disaksikan oleh masyarakat awam sebagai manifestasi ketelusan, keadilan prosedural dan fungsi pendidikan sosial.

Namun demikian, pelaksanaan prinsip ini mengalami perubahan ketara dengan penggubalan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018. Peraturan ini menghadkan pelaksanaan hukuman sebatan kepada kawasan institusi pempasarakan walaupun masih menggunakan istilah “tempat terbuka”. Perubahan ini menimbulkan persoalan serius tentang keselarasan norma, had kuasa peraturan pentadbiran, serta kesan terhadap legitimasi pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

Oleh itu, makalah ini bertujuan meneliti secara kritikal percanggahan norma antara kedua-dua peraturan tersebut serta implikasinya terhadap kepastian undang-undang, keadilan prosedural dan penerimaan masyarakat. Kajian ini signifikan kerana isu yang dibincangkan bukan sahaja bersifat teknikal perundangan, malah menyentuh dimensi sosial, politik dan keagamaan dalam konteks pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur berkaitan pelaksanaan hukum jenayah di Aceh memperlihatkan bahawa perbincangan akademik sedia ada lebih banyak tertumpu kepada dimensi hak asasi manusia, kesan sosial hukuman sebatan, serta persepsi antarabangsa terhadap pelaksanaan syariat Islam di ruang awam. Fokus ini dapat dilihat dalam kajian-kajian yang menilai hukuman jenayah bukan sahaja sebagai mekanisme perundangan, tetapi juga sebagai fenomena sosial yang memberi kesan langsung kepada imej Aceh di peringkat global (Rahman & Zainal 2022).

Walau bagaimanapun, analisis mendalam terhadap percanggahan normatif antara peraturan substantif dan peraturan pelaksana masih relatif terhad dan belum dibincangkan secara sistematik. Dari sudut teori perundangan, konflik norma lazim berlaku apabila peraturan pelaksana mentafsir atau menyempitkan maksud peraturan induk sehingga mengubah tujuan asal pembentukannya. Asshiddiqie (2019) menegaskan bahawa dalam hierarki perundangan Indonesia, setiap peraturan pelaksana mesti kekal dalam lingkungan kuasa yang didelegasikan dan tidak boleh mengubah kandungan normatif peraturan yang lebih tinggi. Prinsip *lex superior derogat legi inferiori* bukan sekadar kaedah teknikal, tetapi merupakan mekanisme penting untuk menjamin kepastian undang-undang dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa eksekutif. Selari dengan pendirian tersebut, Hamzah (2024) menegaskan bahawa peraturan pelaksana seharusnya berperanan sebagai instrumen teknikal-operasional yang bertujuan memastikan pelaksanaan peraturan induk berlaku secara berkesan dan konsisten, tanpa memperkenalkan tafsiran baharu atau pengubahsuaian normatif yang boleh menjejaskan maksud asal peraturan yang lebih tinggi.

Dalam konteks Aceh, kedudukan qanun sebagai peraturan daerah bercirikan kekhususan telah dibincangkan oleh Salim (2018) dan Ismail (2021), yang menegaskan bahawa qanun bukan sekadar instrumen pentadbiran tempatan, tetapi manifestasi autonomi perundangan Aceh yang dijamin oleh Undang-Undang Pemerintahan Aceh 2006. Kefahaman ini diperkukuh oleh Iskandar dan Mahmud (2022), yang menjelaskan bahawa kedudukan istimewa qanun dalam sistem perundangan Indonesia meletakkannya sebagai peraturan substantif yang mencerminkan kekhususan Aceh dalam mengatur urusan hukum Islam. Oleh itu, sebarang peraturan Gubernur yang mengawal pelaksanaan qanun seharusnya bersifat teknikal-operasional, bukannya memperkenalkan norma baharu yang berpotensi mengubah prinsip asas yang telah ditetapkan oleh qanun itu sendiri.

Dalam isu pelaksanaan hukuman sebatan, literatur menunjukkan wujudnya ketegangan yang berpanjangan antara prinsip keterbukaan peradilan dan perlindungan martabat manusia. Kajian Latif (2023) mendapati bahawa pelaksanaan hukuman di ruang terbuka memainkan peranan penting sebagai mekanisme pencegahan sosial (*general deterrence*) dan medium pendidikan moral kepada masyarakat. Pendekatan ini selari dengan fungsi simbolik undang-undang Islam yang menekankan aspek pengajaran dan kesedaran kolektif. Pandangan ini selari dengan hujah Fauzi (2023), yang menegaskan bahawa fungsi simbolik undang-undang Islam terletak pada keupayaannya untuk menzahirkan keadilan secara terbuka, agar pengajaran hukum dapat disaksikan dan difahami oleh masyarakat secara langsung. Muhaimin (2024) seterusnya menambah bahawa keterbukaan pelaksanaan hukuman memperkukuh persepsi keadilan prosedural dalam kalangan masyarakat, khususnya apabila proses perundangan dapat disaksikan secara langsung tanpa unsur diskriminasi.

Sebaliknya, wacana hak asasi manusia yang diketengahkan oleh Amnesty International (2021) dan Human Rights Watch (2021) menilai pelaksanaan hukuman sebatan di ruang awam sebagai bertentangan dengan piawai antarabangsa berkaitan larangan hukuman kejam dan merendahkan maruah manusia. Kritikan ini telah mempengaruhi pendekatan pentadbiran kerajaan Aceh, khususnya melalui pengenalan Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018 yang memindahkan locus pelaksanaan hukuman ke dalam kawasan lembaga pemasyarakatan.

Namun demikian, kebanyakan kajian terdahulu cenderung membincangkan perubahan ini dari sudut politik, sosiologi atau hak asasi manusia semata-mata, tanpa menilai secara kritis implikasinya terhadap konsistensi normatif dan hierarki perundangan. Analisis terhadap persoalan sama ada Peraturan Gubernur tersebut telah melampaui had kuasa yang dibenarkan oleh qanun masih kurang diberikan perhatian. Kekosongan ini menimbulkan persoalan penting tentang sejauh mana peraturan pelaksana boleh mengubah makna “keterbukaan” yang telah dirumuskan secara jelas dalam Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013.

Selain itu, kajian-kajian sedia ada jarang menghubungkan isu percanggahan norma ini dengan konsep keadilan prosedural. Tyler (2006) menegaskan bahawa legitimasi undang-undang sangat bergantung kepada keadilan proses, bukan semata-mata kepada hasil atau niat dasar. Dalam konteks Aceh, apabila akses awam terhadap pelaksanaan hukuman semakin terhad akibat peraturan pelaksana, persoalan timbul sama ada masyarakat masih dapat menilai bahawa hukum ditegakkan secara adil dan telus.

Sehubungan itu, kajian ini mengambil kedudukan yang berbeza daripada literatur terdahulu dengan menumpukan secara khusus kepada analisis konflik norma antara Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018 dari perspektif hierarki perundangan dan keadilan prosedural. Berbeza dengan kajian yang menilai hukuman sebatan sebagai isu moral atau hak asasi semata-mata, kajian ini menegaskan bahawa persoalan utama terletak pada ketidakselarasan peraturan yang berpotensi menjejaskan kepastian hukum dan legitimasi pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

Dengan pendekatan ini, kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan memperkenalkan analisis normatif yang lebih mendalam serta menghubungkan isu pelaksanaan hukuman sebatan dengan prinsip asas negara hukum, khususnya keperluan harmonisasi antara peraturan substantif dan peraturan pelaksana. Sumbangan ini penting bagi memperkukuh wacana akademik tentang hukum jenayah di Aceh serta menyediakan asas ilmiah untuk penambahbaikan dasar dan perundangan pada masa hadapan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk doktrinal-komparatif (*doctrinal and comparative legal research design*). Pendekatan doktrinal dipilih kerana fokus utama kajian ini adalah untuk meneliti teks perundangan secara sistematik, menganalisis norma hukum yang terkandung dalam peraturan bertulis, serta menilai tahap keselarasan dan konsistensi peraturan dalam hierarki perundang-undangan. Pendekatan ini menekankan analisis normatif yang berasaskan peruntukan undang-undang, prinsip asas hukum dan kaedah pentafsiran perundangan yang diiktiraf dalam penyelidikan hukum (Ibrahim 2018).

Selain itu, pendekatan komparatif digunakan bagi membandingkan peruntukan Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 tentang Hukum Acara Jenayah dengan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 tentang Pelaksanaan Hukum Acara Jenayah. Perbandingan ini bertujuan untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan serta potensi percanggahan norma yang boleh menimbulkan implikasi terhadap kepastian undang-undang dan legitimasi pelaksanaan syariat Islam di Aceh (Asshiddiqie 2019).

Lokasi dan Konteks Kajian

Walaupun kajian ini berasaskan analisis dokumen, konteks penyelidikan terikat secara langsung dengan wilayah Aceh sebagai satu-satunya provinsi di Indonesia yang diberikan kekhususan untuk menggubal dan melaksanakan qanun berasaskan syariat Islam. Aceh dipilih kerana mempunyai kerangka perundangan yang berbeza berbanding wilayah lain, khususnya dalam pelaksanaan hukum jenayah sebagai sebahagian daripada sistem perundangan rasmi.

Oleh itu, dapatan kajian ini bukan sahaja relevan dalam konteks Aceh, malah turut menyumbang kepada wacana nasional berkaitan pluralisme hukum, hubungan antara undang-undang pusat dan peraturan daerah, serta cabaran pelaksanaan syariat Islam dalam kerangka negara bangsa moden (Ismail 2021).

Sumber Data

Sumber data kajian ini dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu sumber hukum primer, sumber hukum sekunder dan sumber hukum tersier. Pertama, sumber hukum primer merangkumi dokumen perundangan rasmi, iaitu Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 tentang Hukum Acara Jenayah:

1. Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 tentang Pelaksanaan Hukum Acara Jenayah;
2. Undang-Undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh; dan
3. Undang-Undang Nombor 12 Tahun 2011 tentang Pembentukan Peraturan Perundang-Undangan.

Kedua, sumber hukum sekunder terdiri daripada buku dan artikel ilmiah yang membincangkan hukum Islam dan pelaksanaannya di Indonesia (Salim, 2018; Ismail, 2021), literatur berkaitan hierarki perundangan dan teori pembentukan undang-undang (Asshiddiqie, 2019), serta kajian empirikal mengenai keberkesanan hukuman sebatan di Aceh (Latif, 2023; Muhaimin, 2024).

Ketiga, sumber hukum tersier meliputi kamus dan ensiklopedia undang-undang, laporan organisasi antarabangsa berkaitan hak asasi manusia seperti Amnesty International (2021) dan Human Rights Watch (2021), serta laporan tahunan Mahkamah Syar'iyah Aceh bagi tempoh 2019 hingga 2024.

Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data utama dalam kajian ini ialah analisis dokumen (*documentary analysis*). Bowen (2009) menyatakan bahawa analisis dokumen menyediakan sumber data yang stabil, boleh diakses secara berulang dan mempunyai tahap kredibiliti yang tinggi dalam penyelidikan kualitatif. Sehubungan itu, dokumen perundangan dianalisis dengan memberikan tumpuan kepada peruntukan utama yang berkaitan dengan pelaksanaan *uqubat* sebatan, khususnya Pasal 252 dan Pasal 259 hingga 262 Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 serta Pasal 30 Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018.

Di samping itu, kajian ini turut meneliti artikel jurnal, laporan organisasi bukan kerajaan (NGO) dan pandangan sarjana bagi menilai implikasi sosial, politik dan hak asasi manusia yang timbul daripada perubahan mekanisme pelaksanaan hukuman sebatan. Pendekatan ini penting bagi menghubungkan analisis normatif dengan realiti sosiologis yang berkembang dalam masyarakat Aceh.

Teknik Analisis Data

Analisis data dijalankan melalui empat peringkat utama. Pertama, pengenalpastian norma hukum, iaitu proses mengenal pasti dan menginventarisasi peruntukan relevan dalam kedua-dua peraturan yang berkaitan dengan lokasi, tatacara dan prinsip pelaksanaan *uqubat* sebatan. Kedua, perbandingan norma, yang melibatkan analisis tekstual dan substantif antara Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan dan

percanggahan yang wujud. Ketiga, pentafsiran hukum, yang dilakukan berdasarkan prinsip *lex superior derogat legi inferiori*, asas keterbukaan peradilan serta teori keadilan prosedural (Tyler 2006). Keempat, sintesis kritis, iaitu menghubungkan dapatan analisis normatif dengan literatur akademik dan data sokongan seperti laporan Mahkamah Syar'iyah Aceh, data rasmi Badan Pusat Statistik (BPS) Aceh dan laporan NGO bagi memahami kesan praktikal serta persepsi masyarakat terhadap perubahan mekanisme pelaksanaan hukuman sebatan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Bagi menjamin kesahan dapatan, kajian ini menggunakan triangulasi sumber dengan membandingkan dokumen perundangan rasmi, literatur akademik daripada pelbagai sarjana dalam bidang hukum Islam dan hak asasi manusia, serta laporan amalan daripada institusi kehakiman dan organisasi antarabangsa. Kebolehpercayaan kajian pula dicapai melalui proses *audit trail* dengan mendokumentasikan secara sistematik setiap langkah analisis dan rujukan yang digunakan. Pendekatan ini membolehkan kajian direplikasi oleh penyelidik lain dengan dapatan yang konsisten (Yaqin 2019).

Etika Penyelidikan

Walaupun kajian ini berasaskan analisis dokumen, pertimbangan etika tetap diberikan perhatian. Isu pelaksanaan hukuman sebatan berkait rapat dengan martabat manusia, hak asasi dan sensitiviti budaya serta agama. Oleh itu, analisis dikemukakan menggunakan laras bahasa akademik yang objektif dan berimbang, tidak bersifat menghukum, serta menekankan dimensi normatif dan keadilan prosedural. Secara keseluruhannya, metodologi ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang menyeluruh dan sistematik mengenai percanggahan norma antara Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018, serta menyumbang kepada cadangan penyelesaian akademik dan praktikal bagi mengekalkan konsistensi undang-undang dan legitimasi sosial pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

KERANGKA TEORI: KEADILAN DAN KETERBUKAAN

Konsep Keadilan dalam Perspektif Hukum

Keadilan merupakan prinsip asas dalam setiap sistem perundangan. Dalam pemikiran klasik, Aristoteles membahagikan keadilan kepada keadilan distributif dan keadilan korektif, iaitu prinsip bahawa setiap individu harus menerima haknya secara seimbang. Dalam pemikiran kontemporari, Rawls (1999) melalui konsep *justice as fairness* menegaskan bahawa keadilan menuntut jaminan hak asasi individu serta pengagihan kuasa yang saksama dalam sesebuah sistem sosial.

Dalam konteks hukum pidana Islam, keadilan tidak terhad kepada penjatuhan hukuman yang setimpal, malah merangkumi aspek prosedural dan sosial. Pelaksanaan hukuman hendaklah dilakukan secara adil, telus dan tidak diskriminatif agar tujuan syariah dapat dicapai secara menyeluruh (Al-Ghazali 2020). Dalam konteks Aceh, keadilan dapat dianalisis melalui dua dimensi utama, iaitu dimensi normatif yang menilai kesesuaian pelaksanaan hukuman dengan peraturan yang berkuat kuasa, dan dimensi sosiologis yang menilai penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan hukuman tersebut.

Keadilan Prosedural

Keadilan prosedural menekankan kepentingan proses yang adil dalam pelaksanaan undang-undang. Tyler (2006) menjelaskan bahawa legitimasi sistem hukum bukan sahaja bergantung pada kandungan undang-undang, tetapi juga pada cara undang-undang tersebut dilaksanakan. Proses yang telus, konsisten dan boleh dipertanggungjawabkan akan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi perundangan.

Dalam konteks pelaksanaan *uqubat* sebatan di Aceh, keadilan prosedural dizahirkan melalui keterbukaan pelaksanaan hukuman, penglibatan pihak berautoriti seperti jaksa, pegawai perubatan dan pegawai syariat, serta pematuhan kepada peruntukan hukum acara yang ditetapkan dalam Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013. Walau bagaimanapun, perubahan lokasi pelaksanaan ke dalam institusi pemasyarakatan melalui Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 menimbulkan persoalan sama ada prinsip keadilan prosedural masih dapat dipertahankan apabila akses awam menjadi lebih terhad (Muhaimin 2024).

Keterbukaan dalam Penegakan Hukum

Keterbukaan merupakan asas penting dalam sistem peradilan moden. Perlembagaan Indonesia melalui Pasal 28F Undang-Undang Dasar 1945 menjamin hak masyarakat untuk memperoleh maklumat, termasuk akses terhadap proses perundangan. Prinsip ini turut ditegaskan dalam Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 Pasal 2 huruf g yang menyatakan bahawa peradilan jenayah dilaksanakan secara terbuka untuk umum.

Menurut Salim (2018), keterbukaan dalam pelaksanaan hukuman sebatan mempunyai dua fungsi utama, iaitu fungsi edukatif yang bertujuan mendidik masyarakat agar menjauhi perbuatan jenayah, serta fungsi legitimasi yang menunjukkan bahawa undang-undang dilaksanakan secara adil tanpa diskriminasi. Namun demikian, prinsip keterbukaan ini sering diperdebatkan kerana berpotensi bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia, khususnya berkaitan isu penghinaan terhadap maruah terpidana

(Amnesty International, 2021). Oleh itu, keterbukaan dalam konteks hukum Aceh perlu ditafsirkan secara seimbang dengan mengambil kira hak masyarakat untuk mengetahui serta hak individu untuk dilayan secara bermaruah (Rahman & Abdullah 2025).

Hubungan Keadilan dan Keterbukaan dalam Konteks Aceh

Dalam pelaksanaan hukum jenayah, keadilan dan keterbukaan merupakan dua prinsip yang saling melengkapi. Keadilan prosedural hanya dapat direalisasikan apabila keterbukaan maklumat dan akses awam dijamin. Namun, keterbukaan yang tidak terkawal berpotensi menjejaskan hak dan martabat terpidana. Oleh itu, percanggahan antara Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 dapat difahami sebagai konflik antara usaha mengekalkan keterbukaan awam dan keperluan melindungi martabat individu. Dari sudut teori undang-undang, konflik sedemikian menuntut proses harmonisasi peraturan agar kedua-dua prinsip ini dapat diseimbangkan secara adil dan berkesan (Asshiddiqie 2019).

Secara keseluruhannya, kerangka teori ini menegaskan bahawa keadilan dalam hukum Aceh bukan sekadar berkaitan kesetimpalan hukuman, tetapi juga melibatkan jaminan proses yang adil dan telus. Keadilan prosedural bergantung kepada konsistensi dan keterbukaan pelaksanaan undang-undang, manakala keterbukaan berfungsi sebagai instrumen pendidikan dan legitimasi sosial yang perlu diimbangi agar tidak mencabuli martabat manusia. Percanggahan antara qanun dan peraturan Gubernur mencerminkan ketegangan antara prinsip keterbukaan dan perlindungan hak asasi, sekali gus menuntut pendekatan harmonisasi undang-undang yang berimbang dan berteraskan keadilan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Perbandingan Norma antara Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018

Analisis perbandingan terhadap peruntukan teras dalam Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018 memperlihatkan perbezaan normatif yang signifikan, khususnya berkaitan prinsip keterbukaan, locus pelaksanaan dan struktur kewenangan dalam pelaksanaan uqubat sebatan. Perbezaan ini bukan sekadar bersifat teknikal pentadbiran, malah mencerminkan pergeseran makna terhadap prinsip keadilan prosedural yang menjadi asas hukum acara jenayah di Aceh.

Bagi memperjelas bentuk dan sifat percanggahan norma yang wujud, analisis ini menampilkan satu perbandingan sistematik terhadap peruntukan-peruntukan utama dalam Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 tentang Hukum Acara Jenayah dan Peraturan

Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018 tentang Pelaksanaan Hukum Acara Jenayah. Perbandingan ini bertujuan mengenal pasti titik persamaan, perbezaan serta implikasi normatif yang timbul daripada kedua-dua instrumen perundangan tersebut.

JADUAL 1 Perbandingan norma antara qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 dan peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018

Aspek	Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013	Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018	Analisis Perbandingan
Asas Keterbukaan	Pasal 2 huruf (g): Peradilan jenayah dilaksanakan secara terbuka untuk umum.	Tidak menyatakan secara eksplisit asas keterbukaan peradilan.	Qanun menegaskan prinsip keterbukaan sebagai asas peradilan, manakala Peraturan Gubernur bersifat reduktif dan tidak memperincikannya.
Tanggungjawab Pelaksanaan	Pasal 252: Jaksa bertanggungjawab menyediakan tempat dan menentukan waktu pelaksanaan.	Pasal 30 ayat (1–2): Pelaksanaan dilaksanakan oleh Jaksa dengan koordinasi pihak Lembaga Pemasarakatan atau Rumah Tahanan.	Peraturan Gubernur memperluaskan penglibatan pihak berkuasa lain, sekali gus mengecilkkan peranan Jaksa sebagaimana ditetapkan oleh qanun.
Lokasi Pelaksanaan	Pasal 262: Dilaksanakan di suatu tempat terbuka dan dapat dilihat oleh orang yang hadir.	Pasal 30 ayat (3): Dilaksanakan di Lapas, Rutan atau Cabang Rutan.	Qanun membuka ruang pelaksanaan di tempat awam, manakala Peraturan Gubernur menghadkannya kepada kompleks pemsarakatan.
Peserta dan Penonton	Pasal 262 ayat (3): Masyarakat boleh hadir kecuali kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.	Akses penonton tertakluk kepada pengaturan dan kebenaran pihak berkuasa lapas.	Peraturan Gubernur menghadkan kehadiran masyarakat awam, sekali gus mengurangkan prinsip public witnessing.
Aspek Kesihatan	Pasal 259–260: Pemeriksaan perubahan dilakukan sebelum dan selepas pelaksanaan.	Pasal 30 turut memperuntukkan keperluan pemeriksaan perubahan.	Kedua-dua peraturan adalah selaras dan tidak menunjukkan sebarang percanggahan normatif.
Aspek keagamaan	Pasal 261: Pelaksanaan disertai bimbingan rohani.	Peraturan Gubernur mengekalkan ketentuan yang sama.	Konsisten antara kedua-duanya dan tidak menimbulkan isu perundangan.

Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 secara tegas meletakkan prinsip keterbukaan sebagai asas pelaksanaan peradilan jenayah, sebagaimana diperuntukkan dalam Pasal 2 huruf (g). Prinsip ini diterjemahkan secara operasional melalui Pasal 262 yang mensyaratkan pelaksanaan *uqubat* sebatan dilakukan di “tempat terbuka dan dapat dilihat oleh orang yang hadir”, dengan pengecualian terhadap kehadiran kanak-kanak di bawah umur. Penekanan terhadap keterbukaan ini memperlihatkan bahawa qanun bukan sahaja berfungsi sebagai instrumen penghukuman, tetapi juga sebagai mekanisme pendidikan sosial dan pengawasan awam terhadap pelaksanaan hukum.

Sebaliknya, Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018 memperkenalkan ketetapan baharu yang menghadkan pelaksanaan *uqubat* sebatan kepada kawasan Lembaga Pemasyarakatan atau Rumah Tahanan. Walaupun peruntukan ini tidak menafikan pelaksanaan hukuman secara fizikal, pembatasan locus kepada institusi tertutup telah mengubah secara substantif makna keterbukaan sebagaimana digariskan oleh qanun. Akses masyarakat awam terhadap proses pelaksanaan menjadi terhad dan tertakluk kepada kawalan pentadbiran institusi pemasyarakatan, sekali gus menimbulkan persoalan tentang sejauh mana prinsip keterbukaan masih dipelihara (Faizin 2021).

Dari sudut struktur kewenangan, Qanun No. 7 Tahun 2013 menetapkan bahawa Jaksa bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan masa dan tempat pelaksanaan hukuman. Namun, Peraturan Gubernur No. 5 Tahun 2018 telah memperluaskan peranan pihak lain, khususnya pentadbiran pemasyarakatan di bawah Kementerian Hukum dan Hak Asasi Manusia. Perluasan ini bukan sahaja mengubah konfigurasi kewenangan yang asal, tetapi juga berpotensi mempersempit peranan Jaksa sebagaimana ditetapkan oleh qanun.

Walau bagaimanapun, analisis turut mendapati bahawa kedua-dua instrumen perundangan ini menunjukkan keselarasan dalam aspek perlindungan kesihatan dan bimbingan kerohanian. Keperluan pemeriksaan perubatan sebelum dan selepas pelaksanaan serta pengiringan rohani kepada pesalah dikekalkan tanpa percanggahan normatif yang ketara. Hal ini menunjukkan bahawa konflik norma tidak berlaku secara menyeluruh, sebaliknya tertumpu pada aspek tertentu yang mempunyai implikasi besar terhadap keterbukaan dan legitimasi pelaksanaan hukuman.

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian dengan mengaitkannya kepada kerangka teori dan sorotan literatur terdahulu. Perbincangan tidak sekadar mengulangi dapatan analisis normatif, sebaliknya meneliti implikasi yang lebih luas terhadap sistem

perundangan, keadilan prosedural dan legitimasi pelaksanaan hukum jenayah di Aceh. Fokus utama diskusi adalah untuk menilai sejauh mana percanggahan normatif antara Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 mencerminkan ketegangan antara prinsip hierarki perundangan, tuntutan keadilan prosedural dan keperluan menyesuaikan pelaksanaan syariat Islam dalam konteks masyarakat moden serta tekanan antarabangsa.

Percanggahan Normatif dan Cabaran Hierarki Perundangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa percanggahan antara Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 tidak boleh difahami sebagai isu pentadbiran yang bersifat teknikal semata-mata. Sebaliknya, ia mencerminkan persoalan asas dalam teori hierarki perundangan dan pengagihan kewenangan normatif dalam sistem perundangan Indonesia. Dalam struktur perundangan nasional, qanun Aceh diiktiraf sebagai peraturan daerah provinsi yang mempunyai kekuatan undang-undang setara dengan peraturan daerah lain, selaras dengan kekhususan Aceh yang dijamin oleh Undang-Undang Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Peraturan gubernur pula berfungsi sebagai peraturan pelaksana yang bertujuan menterjemahkan peruntukan qanun ke dalam bentuk operasional.

Dalam kerangka ini, prinsip *lex superior derogat legi inferiori* berfungsi sebagai mekanisme asas untuk memastikan konsistensi dan kepastian hukum. Asshiddiqie (2019) menegaskan bahawa peraturan pelaksana tidak boleh mengubah kandungan substantif peraturan yang lebih tinggi, apatah lagi mengecilkan skop norma yang telah ditetapkan secara jelas. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penetapan locus pelaksanaan uqubat sebatan secara terhad di dalam kompleks lembaga pemsyarakatan melalui Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 telah menyempitkan maksud “tempat terbuka” sebagaimana dirumuskan secara umum dalam Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013. Penyempitan ini bukan sekadar soal tafsiran linguistik, tetapi melibatkan perubahan makna normatif yang membawa implikasi besar terhadap prinsip keterbukaan peradilan.

Situasi ini menimbulkan persoalan *ultra vires*, iaitu sama ada peraturan gubernur telah melampaui batas kewenangan yang diperuntukkan oleh qanun. Apabila peraturan pelaksana mula berfungsi sebagai instrumen yang mengubah hala tuju norma substantif, maka keseluruhan struktur hierarki perundangan berisiko kehilangan fungsi kawalan normatifnya. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh melemahkan kepastian hukum kerana aparat penegak undang-undang berhadapan dengan konflik norma yang sukar diselesaikan di peringkat pelaksanaan.

Berbeza dengan kebanyakan kajian terdahulu yang cenderung menilai isu pelaksanaan hukuman sebatan di Aceh dari perspektif politik atau hak asasi manusia semata-mata, kajian ini menegaskan bahawa permasalahan teras terletak pada ketidaksinambungan normatif dalam struktur perundangan itu sendiri. Tanpa penyelesaian terhadap konflik hierarki ini, sebarang perdebatan mengenai legitimasi moral atau hak asasi berisiko menjadi reaktif dan tidak menyentuh akar masalah.

Keadilan Prosedural, Keterbukaan dan Persepsi Awam

Perubahan locus pelaksanaan uqubat sebatan turut memberi implikasi langsung terhadap prinsip keadilan prosedural. Dalam Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013, prinsip keterbukaan tidak diletakkan sebagai unsur sampingan, sebaliknya sebagai asas kepada pelaksanaan peradilan jenayah. Keterbukaan berfungsi sebagai jaminan bahawa proses perundangan dapat disaksikan dan dinilai oleh masyarakat, sekali gus meningkatkan akauntabiliti institusi peradilan.

Teori keadilan prosedural yang dikemukakan oleh Tyler (2006) menekankan bahawa penerimaan masyarakat terhadap sesuatu sistem hukum banyak dipengaruhi oleh persepsi terhadap keadilan proses, bukan semata-mata keadilan hasil. Apabila proses hukum dilihat sebagai telus, konsisten dan boleh diawasi, masyarakat lebih cenderung untuk mematuhi dan menghormati keputusan perundangan, walaupun hasilnya mungkin tidak menguntungkan semua pihak.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembatasan akses awam melalui pelaksanaan hukuman di kawasan pemyarakatan telah mengurangkan tahap keterlihatan (*visibility*) proses hukum. Walaupun perubahan ini sering dihujahkan atas dasar menjaga ketertiban dan keselamatan, implikasinya terhadap persepsi keadilan tidak boleh dipandang ringan. Muhaimin (2024) mendapati bahawa keterbatasan akses publik dalam peradilan jenayah boleh menimbulkan persepsi bahawa proses hukum dilaksanakan secara tertutup dan birokratik, sekali gus mengurangkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi peradilan syariah.

Dalam konteks Aceh, di mana legitimasi pelaksanaan syariat Islam sangat bergantung kepada penerimaan sosial, sebarang perubahan yang mengurangkan keterbukaan berpotensi menjejaskan kepercayaan awam. Hal ini menunjukkan bahawa keadilan prosedural bukan sahaja berkait dengan pematuhan formal terhadap peraturan, tetapi juga melibatkan dimensi simbolik dan psikologi dalam hubungan antara negara dan masyarakat.

Ketegangan antara Perlindungan Martabat dan Fungsi Sosial Hukuman

Salah satu dapatan penting kajian ini ialah kewujudan ketegangan normatif antara dua nilai utama yang sama-sama diakui dalam wacana hukum moden, iaitu perlindungan martabat individu dan fungsi sosial hukuman. Pelaksanaan uqubat sebatan di ruang terbuka sering dikritik oleh organisasi hak asasi manusia antarabangsa kerana dianggap mendedahkan pesalah kepada penghinaan awam dan melanggar prinsip maruah manusia (Amnesty International 2021; Human Rights Watch 2021). Kritikan ini telah memberi tekanan signifikan kepada pemerintah Aceh untuk menilai semula kaedah pelaksanaan hukuman.

Dalam masa yang sama, keterbukaan pelaksanaan hukuman dalam hukum jenayah Aceh mempunyai fungsi simbolik yang penting. Ia bukan sahaja bertujuan menghukum pesalah, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme pendidikan moral dan pencegahan sosial. Pelaksanaan hukuman di ruang awam membolehkan masyarakat menyaksikan secara langsung implikasi perbuatan jenayah, sekali gus membentuk kesedaran kolektif untuk mematuhi norma agama dan sosial.

Kajian ini mendapati bahawa Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 lebih cenderung mengutamakan dimensi perlindungan martabat individu, manakala Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 menekankan fungsi simbolik dan sosial pelaksanaan syariat. Perbezaan penekanan ini menjelaskan mengapa konflik normatif tersebut terus berlarutan. Tanpa kerangka harmonisasi yang jelas, kedua-dua nilai ini dilihat seolah-olah berada dalam pertentangan mutlak, sedangkan dalam kerangka hukum Islam, kedua-duanya sepatutnya boleh diselaraskan secara seimbang.

Maqasid Syariah dan Dilema Pelaksanaan Jenayah

Daripada perspektif maqasid syariah, dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa konflik antara Qanun dan Peraturan Gubernur boleh difahami sebagai pertembungan antara beberapa objektif syariah yang sama-sama sah. Perlindungan martabat individu berkait rapat dengan maqasid *hifz al-nafs* dan *hifz al-'ird*, manakala keterbukaan pelaksanaan hukuman berkait dengan maqasid *hifz al-din* dan pemeliharaan ketertiban sosial.

Auda (2008) menegaskan bahawa maqasid syariah bersifat dinamik dan perlu diaplikasikan secara holistik serta kontekstual. Masalah timbul apabila objektif syariah diaplikasikan secara terpisah tanpa mempertimbangkan keseimbangan antara kepentingan individu dan kepentingan masyarakat. Dalam konteks Aceh, ketiadaan penyelarasan antara qanun dan peraturan gubernur menyebabkan maqasid syariah

diaplikasikan secara tidak seimbang, sekali gus menimbulkan kekeliruan dalam pelaksanaan hukum jenayah.

Kajian ini berpandangan bahawa pendekatan maqasid seharusnya digunakan sebagai kerangka penyelesaian konflik normatif, bukan sekadar sebagai justifikasi kepada salah satu pendekatan. Dengan menilai semula pelaksanaan undang-undang tersebut melalui lensa maqasid yang menyeluruh, pemerintah dapat merumuskan mekanisme pelaksanaan yang mengekalkan keterbukaan asas sambil memastikan perlindungan martabat dan keselamatan pesalah.

Legitimasi Sosial dan Masa Depan Pelaksanaan Syariat di Aceh

Akhirnya, diskusi ini menunjukkan bahawa percanggahan normatif antara Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 mempunyai implikasi langsung terhadap legitimasi sosial pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Legitimasi bukan sahaja ditentukan oleh kesahihan undang-undang, tetapi juga oleh sejauh mana masyarakat menerima dan mempercayai proses pelaksanaannya.

Sekiranya konflik normatif ini berlarutan tanpa penyelesaian yang jelas, terdapat risiko bahawa pelaksanaan hukum jenayah akan dilihat sebagai tidak konsisten dan dipengaruhi oleh pertimbangan politik semata-mata. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh melemahkan kedudukan syariat Islam sebagai sistem hukum yang dihormati dan diyakini oleh masyarakat Aceh sendiri. Oleh itu, penyelesaian terhadap konflik ini bukan sekadar keperluan teknikal perundangan, tetapi juga keperluan strategik bagi kelangsungan legitimasi syariat Islam dalam kerangka negara bangsa Indonesia.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan yang telah dihuraikan, kajian ini membawa implikasi yang signifikan dan berlapis, merangkumi dimensi teori, dasar perundangan, amalan pentadbiran serta implikasi sosial dan keagamaan dalam konteks pelaksanaan hukum jenayah di Aceh. Implikasi ini bukan sahaja relevan dalam kerangka perundangan tempatan, malah menyumbang kepada wacana yang lebih luas mengenai pelaksanaan syariat Islam dalam sistem perundangan moden yang bersifat plural dan berhierarki.

Implikasi terhadap Teori dan Wacana Akademik

Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada pengembangan wacana akademik

dalam bidang hukum Islam kontemporer dengan menegaskan bahwa keberkesanan pelaksanaan syariat tidak boleh dinilai semata-mata berdasarkan kandungan normatif sesuatu peraturan, tetapi perlu dilihat secara menyeluruh dari sudut keselarasan struktur perundangan dan mekanisme pelaksanaannya. Dapatan ini mencabar kecenderungan sebahagian literatur terdahulu yang lebih menumpukan perhatian kepada perbincangan substantif hukum jenayah atau implikasi hak asasi manusia, tanpa memberi penekanan yang memadai terhadap konflik normatif antara peraturan induk dan peraturan pelaksana.

Dalam konteks teori keadilan prosedural, kajian ini mengukuhkan hujah Tyler (2006) bahawa legitimasi hukum banyak bergantung kepada persepsi masyarakat terhadap keadilan proses. Ketidaksiharuan antara Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018 memperlihatkan bagaimana keadilan prosedural boleh terjejas walaupun tujuan dasar yang dinyatakan adalah untuk melindungi martabat pesalah. Keadaan ini menunjukkan bahawa niat perlindungan semata-mata tidak mencukupi sekiranya ia diterjemahkan melalui mekanisme peraturan yang bercanggah dengan norma yang lebih tinggi.

Kajian ini juga memperluas perbincangan mengenai maqasid syariah dalam konteks pentadbiran moden. Selama ini, maqasid syariah sering dibincangkan dalam kerangka teori atau penilaian substantif hukum, seperti kesesuaian hukuman dengan tujuan menjaga agama, nyawa atau kehormatan. Namun, kajian ini menunjukkan bahawa maqasid syariah juga perlu diaplikasikan pada tahap struktur perundangan dan tadbir urus. Konflik antara prinsip keterbukaan dan perlindungan martabat dalam pelaksanaan uqubat sebatan memperlihatkan bahawa kegagalan menyelaraskan peraturan boleh menjejaskan pencapaian maqasid secara keseluruhan, walaupun setiap peraturan secara individu kelihatan berorientasikan kebaikan (Auda 2008).

Selain itu, kajian ini menyumbang kepada perbincangan teori pluralisme hukum dengan memperlihatkan bagaimana konflik norma berlaku dalam sistem perundangan yang membenarkan kewujudan pelbagai sumber hukum. Dalam konteks Aceh, qanun sebagai peraturan daerah bercirikan syariah berinteraksi dengan peraturan eksekutif serta tekanan norma antarabangsa. Seperti yang dikehendaki oleh Hooker (2008), pluralisme hukum memerlukan mekanisme penyelarasan yang jelas bagi mengelakkan ketidakpastian hukum. Kajian ini memberikan contoh empirik bagaimana ketiadaan penyelarasan tersebut boleh menjejaskan legitimasi sistem hukum itu sendiri.

Implikasi terhadap Dasar dan Pembentukan Peraturan

Dari sudut dasar perundangan, kajian ini menonjolkan keperluan mendesak untuk

memperkuat mekanisme harmonisasi peraturan dalam pelaksanaan hukum jenayah di Aceh. Percanggahan antara Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018 menunjukkan kelemahan dalam proses pembentukan peraturan pelaksana, khususnya dari aspek pematuhan terhadap hierarki perundangan. Berdasarkan prinsip *lex superior derogat legi inferiori*, sebarang peraturan pelaksana seharusnya memperincikan, bukan mengubah atau mengecilkan, maksud norma yang telah ditetapkan oleh peraturan yang lebih tinggi (Asshiddiqie 2019).

Implikasi dasar yang utama ialah keperluan untuk menilai semula pendekatan penggabungan peraturan pelaksana dalam konteks syariah. Kajian ini mencadangkan agar sebarang perubahan substantif terhadap mekanisme pelaksanaan hukum jenayah dilakukan melalui pindaan qanun, bukannya melalui peraturan gubernur. Pendekatan ini bukan sahaja lebih selari dengan hierarki perundangan, malah memberikan ruang perbincangan yang lebih luas dan demokratik melalui proses legislatif daerah.

Kajian ini juga memberi isyarat bahawa pertimbangan hak asasi manusia dan tekanan antarabangsa tidak seharusnya diterjemahkan secara tergesa-gesa melalui peraturan eksekutif yang berpotensi menimbulkan konflik normatif. Sebaliknya, pertimbangan tersebut perlu diintegrasikan secara sistematik dalam kerangka perundangan yang sedia ada, dengan mengambil kira konteks sosial, budaya dan keagamaan masyarakat Aceh. Pendekatan ini selaras dengan pandangan Salim (2018) yang menegaskan bahawa Islamisasi hukum di Indonesia memerlukan proses institusional yang berhati-hati agar tidak menjejaskan legitimasi tempatan.

Selain itu, kajian ini mempunyai implikasi terhadap tadbir urus perundangan di wilayah-wilayah yang mempunyai kekhususan autonomi. Kes Aceh menunjukkan bahawa autonomi perundangan memerlukan kapasiti institusi yang kukuh dalam memastikan keselarasan antara pelbagai instrumen peraturan. Tanpa mekanisme semakan dan penyelarasan yang berkesan, autonomi tersebut boleh menghasilkan konflik norma yang akhirnya melemahkan tujuan asal pemberian kekhususan.

Implikasi terhadap Amalan Pentadbiran dan Institusi

Dari sudut amalan pentadbiran, kajian ini menunjukkan bahawa ketidakselarasan peraturan memberi kesan langsung kepada pelaksanaan undang-undang di peringkat lapangan. Aparat penguat kuasa, termasuk Jaksa, pegawai Mahkamah Syariah dan pihak masyarakat, berada dalam keadaan dilema antara pematuhan kepada peraturan pelaksana yang bersifat operasional dan kewajiban mematuhi qanun sebagai peraturan yang lebih tinggi. Dilema ini bukan sahaja menimbulkan kekeliruan, malah berpotensi menjejaskan profesionalisme dan konsistensi penguatkuasaan hukum.

Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh membawa kepada penyeragaman amalan yang tidak konsisten antara daerah atau kes, bergantung kepada tafsiran pihak berkuasa tempatan terhadap peraturan yang bercanggah. Ketidakseragaman ini seterusnya boleh menjejaskan prinsip kepastian hukum, yang merupakan salah satu elemen asas keadilan dalam sistem perundangan moden.

Kajian ini juga mengimplicasikan keperluan untuk memperkukuh latihan dan kefahaman aparat penguat kuasa mengenai prinsip hierarki perundangan dan keadilan prosedural. Pelaksanaan hukum jenayah bukan sekadar isu teknikal, tetapi melibatkan dimensi legitimasi sosial dan kepercayaan masyarakat. Oleh itu, keupayaan institusi untuk melaksanakan hukum secara konsisten dan selaras dengan kerangka perundangan yang sah menjadi faktor penting dalam mengekalkan kewibawaan sistem peradilan syariah.

Implikasi terhadap Masyarakat dan Persepsi Awam

Dari perspektif masyarakat, kajian ini menegaskan bahawa keterbukaan dalam pelaksanaan hukum masih memainkan peranan penting sebagai mekanisme pendidikan dan pencegahan sosial. Keterbukaan yang diurus secara beretika dan terkawal membolehkan masyarakat memahami proses keadilan dan merasakan bahawa hukum dilaksanakan secara adil dan tidak bersifat sewenang-wenangnya. Dalam konteks ini, kajian ini menyokong pandangan bahawa masalah utama bukanlah keterbukaan itu sendiri, tetapi ketiadaan garis panduan yang jelas dalam mengurus keterbukaan secara bermaruah.

Kajian ini turut menunjukkan bahawa pembatasan keterbukaan tanpa penjelasan yang mencukupi boleh menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat. Apabila pelaksanaan uqubat sebatan dipindahkan ke ruang tertutup, sebahagian masyarakat mungkin menafsirkan perubahan tersebut sebagai tanda ketidaktelusan atau kelemahan penegakan hukum. Persepsi sedemikian boleh menjejaskan kepercayaan awam terhadap institusi peradilan syariah, sebagaimana yang ditegaskan dalam kajian mengenai keadilan prosedural (Tyler 2006).

Dalam masa yang sama, kajian ini mengakui kepentingan perlindungan martabat pesalah sebagai sebahagian daripada nilai kemanusiaan dan keagamaan. Implikasi penting kajian ini ialah keperluan untuk mencari titik keseimbangan antara keterbukaan dan perlindungan martabat, bukannya memilih salah satu secara mutlak. Pendekatan seimbang ini selari dengan prinsip maqasid syariah yang menuntut pemeliharaan kepentingan individu dan masyarakat secara serentak.

Implikasi terhadap Pelaksanaan Syariat Islam dalam Konteks Global

Akhirnya, kajian ini mempunyai implikasi yang lebih luas terhadap wacana pelaksanaan syariat Islam dalam konteks global. Kes Aceh menunjukkan bahawa pelaksanaan syariat dalam dunia moden tidak dapat dipisahkan daripada interaksi dengan norma antarabangsa, media global dan wacana hak asasi manusia. Kajian ini mencadangkan bahawa respons terhadap tekanan global tidak seharusnya dilakukan melalui penyesuaian pentadbiran yang bersifat ad hoc, tetapi melalui pengukuhan kerangka perundangan yang sah dan konsisten.

Dengan menekankan kepentingan keselarasan norma dan keadilan prosedural, kajian ini menyumbang kepada pemahaman bahawa legitimasi syariat Islam di peringkat antarabangsa juga bergantung kepada keupayaannya untuk dilaksanakan secara adil, telus dan berperaturan. Pendekatan ini berpotensi meningkatkan penerimaan global terhadap model pelaksanaan syariat yang berasaskan undang-undang dan tadbir urus yang baik.

KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa wujud percanggahan norma yang jelas antara Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 dan Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018, khususnya berkaitan mekanisme dan tahap keterbukaan pelaksanaan uqubat sebatan. Percanggahan tersebut bukan sekadar bersifat teknikal perundangan, malah berimplikasi secara langsung terhadap prinsip kepastian hukum, keadilan prosedural dan legitimasi sosial pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

Berbeza dengan sorotan literatur terdahulu yang lebih menekankan dimensi hak asasi manusia dan kesan sosial hukuman sebatan, kajian ini mendapati bahawa permasalahan utama terletak pada ketidakselarasan antara peraturan substantif dan peraturan pelaksana dalam kerangka hierarki perundangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 telah memperkenalkan mekanisme pelaksanaan yang berpotensi bercanggah dengan prinsip keterbukaan peradilan dan asas *lex superior derogat legi inferiori* sebagaimana digariskan dalam Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013.

Sehubungan itu, kajian ini menegaskan keperluan harmonisasi peraturan sama ada melalui semakan semula Peraturan Gubernur agar selaras dengan qanun, atau melalui mekanisme pengujian kehakiman di Mahkamah Agung. Langkah ini penting bagi memastikan pelaksanaan hukum jenayah di Aceh dilaksanakan secara konsisten, adil dan berlandaskan prinsip perundangan yang sah, sekali gus mengekalkan kepercayaan serta penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan syariat Islam.

RUJUKAN

- Al-Ghazali. 2020. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar Al-Kutub Al- 'Ilmiyyah.
- Amnesty International. 2021. *Flawed Justice: Caning as Torture in Aceh*. London: Amnesty International.
- Amnesty International. 2021. *Indonesia: Public Caning in Aceh*. London: Amnesty International.
- Asshiddiqie, J. 2019. *Pengantar Ilmu Perundang-undangan*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Auda, J. 2008. *Maqasid al-Shariah as Philosophy of Islamic law*. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Bowen, G. A. 2009. Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 27–40.
- Faizin, D. 2021. Pandangan ulama Aceh terhadap hukuman cambuk di penjara. *Syarah* 10(1): 21–40.
- Faizin, M. 2021. Hukuman cambuk dan maqasid syariah di Aceh. *Al-Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah dan Hukum* 31(2): 215–234.
- Fauzi, N. 2023. *Hukuman sebatan dan persepsi masyarakat antarabangsa terhadap pelaksanaan syariat di Aceh*. *Jurnal Hadhari* 15(2): 89–105.
- Hamzah, M. A. 2024. Hierarki perundangan dan konflik norma dalam pelaksanaan peraturan daerah. *Jurnal Hadhari* 16(1): 23–40.
- Hooker, M. B. 2008. *Indonesian Syariah: Defining a National School of Islamic Law*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Human Rights Watch. 2021. *Indonesia: Aceh's Caning Punishments Violate Human Rights*. New York: Human Rights Watch.
- Human Rights Watch. 2021. *Indonesia: Aceh's Public Caning Violates Human Rights*. New York: Human Rights Watch.
- Ibrahim, J. 2018. *Teori dan Metodologi Penelitian Hukum Normatif*. Malang: Bayumedia.

- Iskandar, R. & Mahmud, S. 2022. Qanun Aceh dan autonomi perundangan: Kedudukan dan implikasinya dalam sistem perundangan Indonesia. *Jurnal Hadhari* 14(1): 1–18.
- Ismail, Z. 2021. *Hukum Islam dan Pelaksanaannya di Indonesia*. Jakarta: Prenada Media.
- Latif, A. 2023. Hukuman cambuk dan kesedaran sosial masyarakat Aceh. *Jurnal Hukum & Pembangunan* 53(1): 89–110.
- Latif, R. 2023. The practice of Islamic criminal law in Aceh: Between deterrence and symbolism. *Journal of Southeast Asian Studies* 54(2): 145–162.
- Muhaimin, A. 2024. Social justice and ta‘zir punishment in Aceh. *Indonesian Journal of Islamic Criminal Law* 6(1): 55–74.
- Muhaimin. 2024. Keadilan prosedural dalam peradilan jenayah Aceh. *Jurnal Rechtsvinding* 13(1): 45–63.
- Muhaimin. 2024. Persepsi keadilan prosedural dalam pelaksanaan hukum jenayah di Aceh. *Jurnal Hukum & Pembangunan* 54(1): 89–112.
- Peraturan Gubernur Aceh Nombor 5 Tahun 2018 tentang Pelaksanaan Uqubat Cambuk.
- Qanun Aceh Nombor 7 Tahun 2013 tentang Hukum Acara Jenayah.
- Rahman, A. & Zainal, M. Z. 2022. Pelaksanaan syariat Islam dan cabaran hak asasi manusia di Aceh: Analisis kritikal terhadap hukum jenayah. *Jurnal Hadhari* 14(2): 45–62.
- Rahman, H. & Abdullah, M. 2025. Economic disparity and the execution of ta‘zir penalties in Aceh. *Asian Journal of Law and Society* 12(1): 33–49.
- Rawls, J. 1999. *A Theory of Justice* (rev. ed.). Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Republik Indonesia. 2013. *Qanun Aceh No. 7 Tahun 2013 Tentang Hukum Acara Jenayah*. Banda Aceh: Pemerintah Aceh.
- Republik Indonesia. 2018. *Peraturan Gubernur Aceh No. 5 Tahun 2018 Tentang Pelaksanaan Hukum Acara Jenayah*. Banda Aceh: Pemerintah Aceh.
- Salim, A. 2018. *Challenging the Secular State: The Islamization of Law in Modern Indonesia*. Honolulu: University of Hawai‘i Press.

Salim, M. 2018. *Hukum Pidana Islam dan Relevansinya di Indonesia*. Jakarta: Kencana.

Tyler, T. R. 2006. *Why People Obey the Law* (2nd ed.). Princeton: Princeton University Press.

Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh.

Yaqin, A. 2019. *Legal Research and Writing*. Selangor: LexisNexis.